

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan
Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*



WEBINAR
ANUGERAH KUALITI
NAIB CANSOLOR (AKNC)

ENTERPRISE QUALITY MANAGEMENT (E-QM) FOR SUSTAINABLE GROWTH

Dr. Huzairah Yusoff, Naimah Yusoff, Naimah Yusoff, Naimah Yusoff

7 April 2025 (online)
230 peserta
100% kehadiran

AKNC
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)

AKNC
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)

AKNC
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)

AKNC
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)
Anugerah Kualiti Naib Cansolor (AKNC)

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003

WEBINAR KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) MODUL 1: PENYELARAS DAN FASILITATOR KIK

Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim



The poster is for a webinar titled "WEBINAR KIK MODUL 1 (Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM)". It features a portrait of Encik Shamsol Haji Shafie, a man in a black cap and shirt, against a yellow background. The text on the poster includes the UiTM logo, the title, the speaker's name and title "Pakar Rujuk KIK", and the event details: "Tarikh: 17 Februari 2025 (Isnin)", "Masa: 10:00 pagi", and "Platform: Microsoft Teams". It also lists the organizers: "Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)". At the bottom, there are social media links for InQKA and InQKAUiTM, and a QR code.

**WEBINAR
KIK MODUL 1**
(Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM)

ENCIK SHAMSOL HAJI SHAFIE
Pakar Rujuk KIK

Tarikh: 17 Februari 2025 (Isnin)
Masa: 10:00 pagi
Platform: Microsoft Teams

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan
Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

www.inqka.uitm.edu.my | inqka | inqkauiTM | InQKAUiTM | InQKA UiTM | inqkauiTM6101



slaid yang interaktif, yang membantu pemahaman mereka terhadap konsep serta pelaksanaan KIK di UiTM.

Penghujung sesi webinar telah diselitkan dengan sesi soal jawab di antara penceramah dan peserta webinar secara langsung.

17 Februari 2025 – Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 1. Sesi webinar ini dijalankan secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi webinar ini bertujuan untuk memberi penerangan tentang keseluruhan fungsi dan tugas sebagai Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM bagi penggiat KIK.

Seramai lebih 300 orang peserta yang hadir terdiri daripada penggiat

KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, para Penyelaras KIK daripada seluruh UiTM dan warga staf UiTM turut hadir dalam sesi webinar ini.

Penceramah jemputan bagi sesi webinar Modul 1 ini ialah Encik Shamsol bin Haji Shafie, Pakar Rujuk KIK UiTM dari cawangan Melaka, yang menyampaikan pembentangan menarik mengenai peranan serta tanggungjawab utama Penyelaras dan Fasilitator KIK.

Sepanjang 3 jam berlangsung, peserta diberi penerangan mendalam melalui pembentangan

Penganjuran webinar ini diharap dapat membantu para penggiat KIK dalam menubuhkan sebuah kumpulan penggerak KIK bagi wakil PTJ mereka.

Kejayaan webinar ini membuktikan komitmen UiTM dalam memperkukuh budaya inovasi dan kecemerlangan operasi, sejajar dengan usaha universiti untuk terus berada di barisan hadapan dalam pengurusan kualiti.

Kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat menjadi pemangkin kepada penganjuran lebih banyak sesi bermanfaat pada masa hadapan.



WEBINAR KIK MODUL 2

(Pengenalan Projek KIK)



Prof. Sr. Dr. Thuraiya Mohd
Pakar Rujuk KIK

Tarikh: 26 Februari 2025 (Rabu)

Masa: 10:00 pagi

Platform: Microsoft Teams

Anjuran:

Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan
Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



لینک انجمن

<https://inqka.uitm.edu.my> [f @inqka](#) [@inqkautm](#) [@InQKAUITM](#) [InQKA UITM](#) [@inqkautm6101](#) [@inqka_uitm](#)

Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim

26 Februari 2025 – Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 2. Sesi webinar ini dijalankan secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi webinar Modul 2 ini bertujuan untuk memberi penerangan tentang Pengenalan kepada Projek KIK. Seramai lebih 150 orang peserta yang hadir terdiri daripada penggiat KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, para Penyelaras KIK daripada seluruh UiTM dan juga warga staf UiTM.

Penceramah jemputan bagi sesi webinar Modul 2 ini ialah Yang Berusaha Prof. Sr. Dr. Thuraiya Mohd, Pakar Rujuk KIK UiTM dari cawangan Perak, yang menyampaikan pembentangan menarik kepada pengenalan projek KIK.

Sepanjang tiga jam berlangsung, peserta diberi penerangan KIK melalui pembentangan slaid yang interaktif, telah membantu pemahaman peserta kepada pengenalan projek KIK mengikut kepada 3 peringkat Fasa dan Aktiviti Pelaksanaan KIK HB 4.0. Fasa 1 ianya berkaitan Penghasilan Projek, Fasa 2 tentang Kemajuan Projek dan Fasa akhir iaitu Fasa ke tiga adalah Penganugerahan Projek.

Bagi meningkatkan daya interaksi dan pemahaman peserta, sesi webinar turut disertakan dengan kuiz interaktif yang mengandungi 20 soalan melalui platform Quizizz. Kuiz ini bukan sahaja menguji pemahaman peserta mengenai konsep serta pelaksanaan KIK di UiTM, tetapi juga menambah elemen keseronokan dalam pembelajaran. Encik Azrul bin Bahaluddin dari UiTM Cawangan Perak muncul sebagai peserta terbaik dengan jumlah jawapan betul terbanyak dan bakal menerima hadiah penghargaan daripada penceramah.

Satu segmen soal jawab secara langsung telah diadakan bagi memberi ruang kepada peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan pelaksanaan projek KIK di penghujung sesi. Webinar ini diharapkan dapat membantu para penggiat KIK dalam menubuhkan kumpulan penggerak KIK di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

Kejayaan webinar ini membuktikan komitmen UiTM dalam memperkukuh budaya inovasi dan kecemerlangan operasi, sejajar dengan usaha universiti untuk terus berada di barisan hadapan dalam pengurusan kualiti. Kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat menjadi pemangkin kepada penganjuran lebih banyak sesi bermanfaat seperti ini pada masa hadapan.



Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim



Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 3. Sesi webinar ini dijalankan secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi webinar Modul 3 ini bertujuan untuk memberi penerangan terurai tentang Dokumentasi dan Penilaian Projek KIK. Seramai lebih 170 orang peserta yang hadir terdiri daripada penggiat KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, para Penyelaras KIK daripada seluruh UiTM dan juga warga staf UiTM.

Menariknya, separuh daripada peserta merupakan penyertaan baharu yang menunjukkan minat mendalam terhadap konsep KIK.

Penceramah jemputan bagi sesi webinar Modul 3 ini ialah Encik Husaini bin Ab Razab, Ketua Pakar Rujuk KIK UiTM dari cawangan Kelantan. Beliau menyampaikan pembentangan yang interaktif dan informatif mengenai penghasilan dokumentasi yang berkesan serta kriteria penilaian projek KIK.

Sepanjang tiga jam berlangsung, para peserta didedahkan dengan kaedah terbaik dalam penghasilan dokumen KIK yang memenuhi piawaian penilaian yang ditetapkan. Ini secara tidak langsung keberkesanan sesebuah dokumen yang dihasilkan membawa kepada penilaian dokumen yang baik.

Webinar ini berjaya mencapai objektifnya dengan memberi pemahaman yang jelas kepada peserta melalui sesi komunikasi dua hala yang interaktif. Diskusi yang berlangsung bukan sahaja memperkukuh pengetahuan peserta memahami konsep dokumentasi projek KIK dengan lebih mendalam, malah memberi inspirasi kepada mereka untuk menerapkan ilmu ini dalam projek masing-masing.

Kejayaan webinar ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuh budaya inovasi dan kecemerlangan operasi, sejajar dengan usaha universiti untuk terus berada di barisan hadapan dalam pengurusan kualiti. Kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat menjadi pemangkin kepada pembangunan budaya inovatif yang berterusan di universiti.

WEBINAR KIK MODUL 4

(Intervensi Projek KIK-PDCA)



Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Idzwan Mohd Salleh

Pakar Rujuk KIK

Tarikh: 19 Mac 2025 (Rabu)

Masa: 9:00 pagi

Platform: Microsoft Teams

Anjuran:

Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan

Kecemerlangan Operasi (PKIKO),

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

UiTM at home

اويتم ات هوم

<https://inqka.uitm.edu.my> [f @inqka](#) [@inqkautm](#) [@INQKAUITM](#) [InQKA UTM](#) [@inqkautm6101](#) [@inqka_uitm](#)

Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim

19 Mac 2025 – Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan bangganya telah menganjurkan Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 4 yang berlangsung secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams. Webinar ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan lebih daripada 145 orang peserta, terdiri daripada penggiat KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, para Penyelaras KIK dari seluruh UiTM serta warga staf universiti yang berdedikasi.

Fokus utama webinar ini adalah untuk memberi penerangan yang mendalam tentang kepentingan kaedah PDCA (*Plan, Do, Check, Action*) dalam proses KIK. Kaedah PDCA ini dikenali sebagai sistem yang sangat efektif dalam menggerakkan penghasilan KIK, bertindak sebagai kitaran proses yang merangkumi setiap langkah dengan teliti. Dalam setiap fasa PDCA, perancangan yang rapi diambil kira, diikuti dengan pelaksanaan yang berkesan, pemeriksaan yang teliti untuk mengelakkan sebarang masalah, dan tindakan penyelesaian yang strategik bagi mencapai hasil yang optimum dalam projek KIK.

Sesi ini menampilkan Prof. Madya Ts Dr. Mohd Idzwan Mohd Salleh, Pakar Rujuk KIK UiTM Shah Alam sebagai penceramah utama. Dengan gaya penyampaian yang sangat interaktif dan penuh informasi mengenai penghasilan projek KIK yang berkesan amat memberi impak kepada peserta. Keunikan sesi ini bertambah menarik apabila peserta turut diuji dengan soalan-soalan kefahaman yang dikemukakan melalui platform *Pigeonhole Live*. Para peserta menunjukkan komitmen yang tinggi dengan menjawab soalan-soalan tersebut secara spontan, sekaligus mencetuskan komunikasi dua hala yang sangat interaktif. Ini menunjukkan bahawa peserta benar-benar memahami dan menghargai proses KIK yang sedang dipelajari.

Keberhasilan webinar ini bukan sahaja mencerminkan kejayaan penganjuran program, malah ia juga mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuhkan budaya inovasi dan kecemerlangan operasi, selaras dengan usaha universiti untuk terus berada di barisan hadapan dalam pengurusan kualiti. Kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat telah menjadi pemangkin kepada pembangunan budaya inovatif yang berterusan di UiTM, sekali gus memperkukuhkan lagi kedudukan universiti dalam aspek pengurusan kualiti dan inovasi.

WEBINAR KIK MODUL 5

Blue Ocean Strategy (BOS)



Puan Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman
Pakar Rujuk

Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim

Pada 21 Mei 2025, Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 5 secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams. Webinar ini telah menghimpunkan seramai 67 orang peserta yang terdiri daripada penggiat KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, para Penyelaras KIK dari seluruh cawangan UiTM, serta warga staf universiti yang komited dan berdedikasi.

Webinar ini memberi tumpuan khusus kepada pemahaman mendalam tentang kaedah Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy - BOS*) dalam pelaksanaan projek KIK. Strategi ini merupakan pendekatan strategik yang bertujuan mewujudkan ruang pasaran baharu tanpa persaingan, sekali gus menjadikan persaingan sedia ada tidak relevan. Ia menggalakkan penciptaan nilai inovatif dengan kos yang efektif, seterusnya memperkasa budaya inovasi dalam organisasi.

Konsep inovasi nilai yang diketengahkan dalam BOS menekankan keperluan untuk keluar daripada zon selesa dan menjadi peneraju dalam memperkenalkan penyelesaian baharu yang kreatif, relevan dan bernilai tinggi. BOS juga mengajak organisasi dan individu untuk melangkaui jangkaan dengan memahami kehendak serta keperluan kumpulan sasaran (*stakeholders/pelanggan*) secara holistik dan menyeluruh.

Kaedah BOS diperkenalkan sebagai satu sistem strategik yang sistematik dan efektif dalam memacu penghasilan projek-projek KIK. Ia terdiri daripada empat fasa utama:





Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim

23 Jun 2025 – Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan bangganya telah menganjurkan satu program istimewa yang menggabungkan dua sesi webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) – Modul 6: *Design Thinking* dan Modul 7: Pengembangan Projek KIK. Program ini dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan lebih daripada 145 peserta dari seluruh UiTM.

Para peserta terdiri daripada penggiat KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, Penyelaras KIK dari pelbagai unit/bahagian/jabatan dan kampus cawangan serta warga staf universiti yang komited terhadap pembangunan inovasi dan kecemerlangan operasi.

PENCERAMAH BERPENGALAMAN PERKASA KANDUNGAN WEBINAR

Webinar ini menampilkan dua tokoh berpengalaman daripada Kumpulan Pakar Rujuk KIK, iaitu Encik Al-Bakri Mohamad@Ahmad dan Tuan Haji Anuar Hashim (mantan Pakar Rujuk KIK). Penyampaian mereka yang interaktif, padat dengan maklumat serta disampaikan dengan penuh semangat telah memberi impak besar kepada peserta dan berjaya meningkatkan pemahaman serta kesedaran terhadap potensi sebenar inovasi melalui pelaksanaan KIK.



FOKUS MODUL 6: *DESIGN THINKING* – PENDEKATAN BERPUSATKAN MANUSIA

Modul 6 memberi penekanan kepada penerapan *Design Thinking* sebagai strategi kontemporari dalam penyelesaian masalah dan pembangunan projek inovatif KIK. Pendekatan ini menekankan elemen berpusatkan manusia (*human-centered*) dan berorientasikan pengguna (*user-focused*) untuk memastikan hasil inovasi bukan sahaja relevan, malah memberi impak yang signifikan kepada pelanggan dan organisasi.

Dalam memahami nilai kefungsi sesuatu inovasi, aspek keselesaan, keselamatan dan pengalaman pengguna amat dititikberatkan dalam proses reka bentuk. Secara keseluruhannya, *Design Thinking* merupakan satu pendekatan inovatif yang merangkumi tiga kriteria utama: keperluan pengguna, keboleh-laksanaan, dan kebolehpasaran. Ia juga merupakan satu proses tidak linear (*non linear*) yang membolehkan interaksi dinamik antara pengguna dan pereka.

FOKUS MODUL 7: PENGEMBANGAN PROJEK KIK – DARI IDEA KE KOMERSIALISASI

Modul 7 pula menumpukan kepada proses pengembangan projek KIK secara lebih mendalam dan strategik. Proses ini dibahagikan kepada tiga fasa utama:




Dalam Fasa 3 ini, pendekatan yang digariskan merangkumi aspek pendidikan, pemudahcaraan, serta penghubungan proses dan kaedah replikasi. Idea-idea inovatif diterjemahkan ke dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses teknologi dan sistem organisasi yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan dan dipasarkan. Perlindungan melalui hak harta intelek turut diberi penekanan sebagai langkah penting dalam penajaan nilai.

MEMPERKASA BUDAYA INOVASI DAN KECEMERLANGAN UiTM

Kejayaan penganjuran webinar ini bukan sahaja mencerminkan keupayaan InQKA dalam melaksanakan program berimpak tinggi, malah menunjukkan komitmen berterusan UiTM dalam memperkukuhkan dan membudayakan inovasi, kecemerlangan operasi dan pengurusan kualiti. Kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat menjadi pemangkin kepada pembudayaan inovatif secara menyeluruh di universiti ini.

Inisiatif seperti ini mengukuhkan lagi kedudukan UiTM sebagai peneraju dalam bidang pengurusan kualiti dan inovasi di peringkat nasional mahupun antarabangsa, selaras dengan aspirasi universiti selaras dengan aspirasi universiti untuk terus unggul dalam landskap pendidikan tinggi negara.



WEBINAR KIK MODUL 8 & 9

Webinar KIK Modul 8: Harta Intelekt dan Hak Cipta
Webinar KIK Modul 9: Pembentangan Projek KIK



Penceramah KIK Modul 8:
Ts Mohamed Syazwan Osman
Pakar Rujuk KIK



Penceramah KIK Modul 9:
Puan Zuraini Jusoh
Pakar Rujuk KIK

Tarikh: 30 Jun 2025 (Isnin)
Masa: 9:00 pagi
Platform: Microsoft Teams

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan
Kecemerlangan Operasi (PKKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

30 Jun 2025 – Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan bangganya telah menganjurkan Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 8: Harta Intelekt dan Hak Cipta serta Modul 9: Pembentangan Projek KIK.

Webinar ini berlangsung secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams dan berjaya menarik seramai 85 peserta dari seluruh kampus UiTM. Para peserta terdiri daripada penggiat aktif KIK, barisan Pakar Rujuk UiTM, Penyelaras KIK dari pelbagai kampus serta staf universiti yang komited terhadap usaha memperkukuh budaya inovasi dan kecemerlangan operasi di UiTM.

PENCERAMAH BERPENGALAMAN PERKASA PENGISIAN WEBINAR

Disediakan oleh: Noorzata Amni Mohd Hamim

Webinar ini menampilkan dua tokoh berpengalaman daripada kalangan Pakar Rujuk KIK UiTM – Ir. Ts. Mohamed Syazwan Osman dan Puan Zuraini Jusoh. Dengan penyampaian yang interaktif, padat dengan informasi dan disulami semangat yang menginspirasi, kedua-dua penceramah telah berjaya mencetuskan impak yang signifikan kepada para peserta.

Sesi ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman tentang aspek penting dalam pelaksanaan projek KIK, malah turut menyuntik kesedaran mendalam mengenai potensi besar inovasi yang boleh diterokai dan direalisasikan menerusi inisiatif KIK di UiTM.

MODUL 8: HARTA INTELEK DAN HAK CIPTA – LINDUNGI INOVASI ANDA

Modul ini memberi penekanan kepada kepentingan melindungi setiap hasil ciptaan minda melalui pendaftaran hak intelek. Peserta diperkenalkan kepada 8 elemen utama dalam sistem perlindungan harta intelek:

- 1 Cap Dagangan (*Trademarks*):** Untuk membezakan barangan/perkhidmatan menerusi perkataan, nama, logo, simbol, reka bentuk atau slogan.
- 2 Paten (*Patents*):** Hak eksklusif kepada pencipta/pemilik ciptaan baru dalam tempoh tertentu
- 3 Hak Reka Bentuk (*Design Rights*):** Melindungi rupa fizikal atau penampilan luaran produk.
- 4 Petunjuk Geografi (*Geographical Indications*):** Berkaitan dengan tempat asal produk yang memberikan kualiti unik.
- 5 Rahsia Dagangan (*Trade Secret*):** Maklumat sulit yang memberi kelebihan kompetitif.
- 6 Reka Bentuk Susun Atur (*Layout Design*):** Reka letak elemen secara strategik dan visual menarik.
- 7 Reka Bentuk Perindustrian (*Industrial Design*):** Reka bentuk produk yang menarik, berfungsi dan mesra pengguna.
- 8 Hak Cipta (*Copyright*):** Melindungi hasil karya daripada dicetak rompak atau digunakan tanpa kebenaran.

Menariknya, penceramah turut mengaitkan konsep ini dengan contoh mudah yang dikenali ramai melalui tagline “Kisah di Sebalik Jenama Kopi”. Contoh ini telah membantu peserta memahami objektif dan aplikasi sebenar hak cipta dan harta intelek dalam dunia sebenar.

MyIPO dan Peranan Penting dalam Perlindungan Inovasi

Pendaftaran bagi kesemua elemen harta intelek ini hendaklah dibuat melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) – sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKK). Agensi ini memainkan peranan penting dalam melindungi idea, inovasi dan hasil ciptaan serta membantu dalam pengkomersilan produk.

Dalam konteks pelaksanaan KIK di UiTM, pendaftaran harta intelek sangat digalakkan kerana ia menjadi salah satu kriteria dalam rubrik penilaian projek KIK. Ini sekaligus memperkasakan lagi nilai tambah kepada setiap projek inovasi yang dibangunkan oleh warga universiti.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai matlamatnya dalam memperluaskan pengetahuan dan kesedaran tentang harta intelek, hak cipta dan kepentingan pembentangan projek KIK secara efektif. InQKA komited untuk terus menyediakan platform latihan dan perkongsian ilmu yang dapat menyokong pembangunan inovasi serta budaya kecemerlangan di UiTM.

FOKUS MODUL 9: PEMBENTANGAN PROJEK KIK

Modul ini merupakan siri terakhir dalam webinar KIK dan memberi fokus kepada aspek penting berkaitan pembentangan projek. Peserta didedahkan kepada keperluan dan persediaan sebelum pembentangan, pengurusan pada hari pembentangan, serta tindakan susulan selepas sesi pembentangan. Berikut adalah ringkasan isi kandungan:

1 Keperluan Sebelum Pembentangan

- Penghantaran Laporan dan Slaid Pembentangan. Laporan penuh dan slaid pembentangan perlu dihantar sebelum berlangsungnya Konvensyen. Tarikh akhir penghantaran akan ditetapkan oleh pihak InQKA.

2 Pembentangan di Konvensyen Zon UiTM dan Konvensyen UiTM

- Pasukan yang mempersembahkan projek terbaik di peringkat Konvensyen Zon UiTM akan dipilih ke peringkat Konvensyen UiTM.

3 Peringkat Pembentangan

- Penilaian dibuat berdasarkan kualiti pembentangan, ketepatan menjawab soalan juri, serta pematuhan terhadap syarat-syarat pertandingan yang ditetapkan.

4 Susunan Pembentangan

- Sesi pembentangan perlulah disusun mengikut struktur laporan projek. Ini bertujuan untuk memudahkan juri memahami isi kandungan projek serta menilai dengan lebih objektif.
- Penekanan boleh diberikan kepada aspek yang dianggap penting atau berimpak tinggi dalam projek.

5 Anugerah Berkaitan Pembentangan

- Sebanyak 32 anugerah disediakan oleh pihak InQKA UiTM sebagai pengiktirafan terhadap usaha kreatif dan inovatif pasukan KIK UiTM.
- Peserta digalakkan untuk mengenal pasti kategori anugerah yang bersesuaian dengan projek masing-masing bagi meningkatkan peluang untuk meraih pengiktirafan.

6 Peringatan Penting

- Pemarkahan keseluruhan adalah 100% berdasarkan laporan bertulis. Namun begitu, pembentangan tetap memainkan peranan penting dalam menjelaskan isi kandungan laporan dan memberi gambaran jelas kepada juri mengenai pelaksanaan projek.

Secara kesimpulannya, pembentangan yang berkesan dan menarik dapat meningkatkan daya tarikan serta kebolehfahaman projek oleh pihak juri. Oleh itu, perancangan yang teliti perlu dilakukan dari awal untuk memastikan laporan bertulis kukuh, slaid pembentangan tersusun, dan penyampaian pasukan yakin dan bersedia serta profesional. Tonjolkan nilai tambah dan keberhasilan projek dengan kreativiti yang tersendiri untuk meningkatkan *visibility* dan impak!

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. تقوى. موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003